

# Siswa FPEP UMS lancar Hope Project 3.0, salur bantuan golongan B40 dan pesakit Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas


NST 20.6.2019 6

KOTA KINABALU: Siswa program Perniagaan Antarabangsa (HE09) Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah melancarkan 'Hope Project 3.0', satu projek khidmat komuniti yang memfokuskan masyarakat B40 sebagai penerima sumbangan utama dan penghuni di Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas.

Menurut pensyarah FPEP, Chan Hak Liong, program tersebut merupakan kesinambungan daripada Charity Run yang telah diadakan pada Mei lalu untuk tujuan mengumpul dana bagi pelaksanaan program-program khidmat komuniti.

"Hope Project 3.0 ini diadakan adai sebagai obligasi sosial siswa-siswi terhadap masyarakat B40 di kawasan pedalaman Sabah, dengan lokasi yang dipilih pada kali ini adalah di Sekolah Kebangsaan Kinaluan, Tambunan.

"Selain untuk membantu dan meringankan beban masyarakat di kawasan terpilih, para pelajar juga turut berkesempatan menggunakan peluang dengan merapatkan silaturahim bersama masyarakat pedalaman serta rasa



PROJEK...Hope Project 3.0 di Sekolah Kebangsaan Kinaluan, Tambunan.

keprihatinan terhadap mereka," katanya.

Beliau turut menjelaskan, beberapa aktiviti telah diadakan di sekolah tersebut antaranya aktiviti gotong-royong serta penanaman pokok-pokok herba bersama Guru Besar Sekolah Kebangsaan Kinaluan, Halina John Jinuli dan para ahli Persatuan Ibu Bapa dan

Guru (PIBG) dari sekolah tersebut, selain penyampaian sumbangan seperti beras dan keperluan utama kepada murid-murid dalam golongan keluarga B40.

Selain program di Tambunan, Hope Project turut diadakan di Hospital Wanita dan Kanak-Kanak, dengan antara aktiviti yang di-

adakan adalah melawat ibu dan kanak-kanak yang berada dalam wad serta memberi sedikit sumbangan berupa 'goodies' kepada kanak-kanak yang akan menjalani pembedahan, dengan tujuan untuk membawa keceriaan kepada penghuni hospital tersebut terutamanya kanak-kanak.